

# KURSUS PRA-PERKAHWINAN

## PRE-MARRIAGE COURSE

13 Julai 2019 (Sabtu/Saturday)

Baiturrahman, Gombak HQ



~ Jabatan Rishta Nata, Lajnah Imaillah Malaysia ~

# KURSUS PRA-PERKAHWINAN

## *PRE-MARRIAGE COURSE*

### **Panduan dan Etika dalam Perkahwinan Dalam Islam**

3 Panduan:

1. Untuk ibubapa di dalam mencari pasangan untuk anaknya
2. Untuk anak-anak yang akan berkahwin sebagai persediaan mereka
3. Panduan setelah berkahwin

***Guidances and Ethics of Marriage in Islam***

3 Guidances:

1. *For parents looking for a suitable match for their children*
2. *For children who are going to get married for their preparation*
3. *Guidance after marriage*



# Panduan untuk Iubapa

# *Guidance for Parents*

# Panduan untuk Ibubapa

## Guidance for Parents

### ○ Mulai dengan kepercayaan mutlak kepada Allah, doa yang ikhlas

- ajar anak2 berdoa agar dikurniakan jodoh yang soleh dan diberkati dari ketika mereka kecil. Surah Furqan (25:75):

75. Dan orang-orang yang ber-kata, "Wahai Tuhan kami! Anugerahkanlah kepada kami dari istri-istri kami dan keturunan kami penyejuk mata kami; dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa."

- Hazrat Mir Nāsir Nawwab (ra) [bapa Hazrat Amma Jaan (ra)] berkata: ... "Sejak anak perempuan saya dilahirkan, saya tidak pernah meninggalkan satu solat (doa) yang saya tidak pernah berdoa: 'Ya Allāh Taala, mana-mana lelaki yang paling sesuai dan setuju di mata anda, jadikan perkahwinan anak perempuanku dengannya.'"

- ***Begin with absolute trust in Allah, sincere prayer***

*- teach your children praying for the blessings of a good match from when children are born. Surah Furqan (25:75):*

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هُبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا  
وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا

- Hazrat Mir Nāsir Nawwab (ra) [father of Hazrat Amma Jan (ra)] said: ... "since this daughter of mine was born, I have never missed a namaz (prayer) in which I have not prayed: 'O Allāh Almighty, whichever man is most agreeable and suitable in your eyes, make my daughter's marriage knot with him.'"

# Panduan untuk Ibubapa

## *Guidance for Parents*

- Sering ingatkan anak-anak Hadis ini:  
**"Perkahwinan adalah ajaranku dan amalanku. Mereka yang tidak mengikuti amalanku bukan dari kalanganku."** (Ibn Majah). "**Apabila seorang lelaki telah menikah dia telah menyelesaikan separuh dari agamanya.**" (Mishkat)
- Mulai proses mencari jodoh dengan **niat yang jelas & betul** - sepenuhnya dalam **Taqwa**.  
- Terapkan niat berkahwin bahawa hubungan yang dibentuk bukanlah semata-mata keseronokan dunia, tidak hanya untuk menghasilkan anak-anak; sebaliknya ikatan perkawinan harus dijaga dan diperkuat untuk mencapai kesenangan Allah
- Mempunyai sikap "**tawaqal-Allah**"  
- usaha, doa dan berserah kepada Allah Ta'ala.
- Remind children often of these Hadith: "**Marriage is my precept and my practice. Those who do not follow my practice are not of me.**" (Ibn Majah). "**When a man has married he has completed one half of his religion.**" (Mishkat)
- Go into the process with a **clear & correct intention** - fully immersed in **Taqwa**.  
- Apply the intentions of marriage that the established relationship is not merely a worldly pleasure, not just to produce children; instead, the bond of marriage must be guarded and strengthened to achieve God's pleasure
- Have "**tawaqul-Allah**" (*trust in Allah Ta'ala*).





# Panduan untuk Ibubapa

## *Guidance for Parents*

- **Perkenalkan konsep perkahwinan Islam kepada anak-anak**
  - iaitu persetujuan kedua-dua pihak, tiada pilihan untuk berpasangan sebelum berkahwin, komunikasi yang kuat, **perkahwinan adalah komitmen seumur hidup** dll.
- Perlu mempunyai **kepercayaan dan perbualan terbuka** dengan anak-anak. Ibubapa harus "**mencadangkan**" jodoh yang berpotensi, **bukan "menentukan"** jodoh untuk mereka.
- **Jangan menganggap anda tahu setiap apa** yang disukai atau tidak disukai oleh anak anda; tanya, dengar dengan teliti, bimbing mereka dengan sabar.

- *Introduce the concept of the Islāmic marriage system to children*
  - *i.e. consent of both parties, no option of courtship prior to marriage, strong communication & trust between parents & children, marriage is a lifetime commitment, etc*
- *Parents need to have a bond of trust and open conversation with their children. Parents should "suggest" potential matches for their children, not "dictate" their own choices*
- *Do not assume you know every single like or dislike of your child; ask, listen carefully, guide patiently.*

# Panduan untuk Ibubapa

## *Guidance for Parents*



- **Kekalkan asas sempadan Islam dalam perkahwinan**

- kesopanan, kesederhanaan, penghormatan & kerahsiaan

- **Bentuk anak dengan cara yang betul / positif**

- bermula dari penampilan, sikap hingga ke percakapan. Menjadi diri yang sebenar & ikhlas, tidak mengelirukan calon pasangan mengenai keluarga, pendidikan, kewangan, kesihatan dll.

- **Ingat, anak anda menikahi seseorang, bukan dengan robot.**

- belajar tentang perasaan orang lain dengan cara yang baik, bukan secara teknikal.

- ***Maintain Islamic boundaries of modesty, respect & confidentiality throughout the process (& beyond).***

- ***Present your child in an accurate, positive light***

- from appearance to speech. Be real & sincere, never misleading, about family, education, finances, health etc.

- ***Remember, your child is marrying a person, not a set of data***

- so learn about others in a way that is personable, not mechanical.

# Panduan untuk Ibumama

## *Guidance for Parents*

- **Jangan bergantung pada satu konsep ideal yang dirancang untuk pasangan.**

- Bersikap terbuka kepada orang yang berlainan & jangan mengelak untuk bertemu dengan seseorang semata-mata kerana mereka tidak sesuai dengan imej "pasangan yang sempurna" untuk anak anda.
- Mungkin calon tidak seperti yang anda inginkan. Tiada manusia yang sempurna. **Lihatlah kepada ketakwaan, kesopanan & tabiat keluarganya.**
- Ingatkan anak bahawa rupa fizikal, berubah dari masa ke masa. **Taqwa seseorang dan perwatakan yang baik adalah lebih utama daripada sifat fizikal.**

- ***Don't rely on one pre-conceived ideal for a spouse.***

- *Be open to different people & don't refuse to meet or talk with someone simply because they don't fit your image of the "perfect partner" for your child.*
- *Perhaps a candidate isn't as you envisioned. **No human being is perfect. Look at piety, modesty & the habits of his/her family;***
- *Remind your child that physical appearance, changes over time. **Taqwa & good character are predominant over physical attributes,** have faith that an attraction can develop without one even realizing it; thus appearance becomes much less important.*

# Panduan untuk Ibumama

## *Guidance for Parents*

- **Bersikap baik, tidak terlalu menghakimi;**
  - berikan masa & kematangan boleh membawa peningkatan diri. Lagipun, anak anda mungkin juga tidak sempurna!
- Jangan membuat **keputusan secara terburu-buru.**
  - Perlu menyiasat dengan teliti, berfikir mendalam, berdoa serta dapatkan nasihat dalam menentukan keputusan perkahwinan.
- Nabi (saw) mengajar sahabatnya untuk mencari bimbingan dengan Allah ketika membuat keputusan
  - **Solat Istikhara adalah sesuatu yang tidak ternilai.**
- **Kaunseling pra-perkahwinan & ilmu** juga diperlukan.
- **Islam menganjurkan kesederhanaan** dalam semua majlis; perkahwinan juga tidak terkecuali.
  - **Be kind, not over-judgmental;**
    - time & maturity can, and do, bring about self-improvement. After all, your child is probably not perfect either!
  - **Deciding whom to marry is not a decision to be rushed.**
    - need to investigate thoroughly, to engage your brain fully in the decision & to pray sincerely for guidance.
  - **The Holy Prophet (saw) taught his companions to seek counsel with Allah when making a decision**
    - **Salatul Istikhara is invaluable.**
  - **Pre-marital counselling and knowledge is also required** for the prospective couple (if needed).
  - **Islam advocates simplicity** in all gatherings; weddings are no exception.

# Panduan untuk Ibumama

## *Guidance for Parents*

- **Selepas perkahwinan:**

- Adalah mudah untuk mengkritik & menilai; letakkan diri anda di tempat anak menantu anda yang baru & jangan teruskan menyuarakan pendapat anda.
- Layani anak menantu anda yang baru sama dengan cara yang anda mahu orang lain layani anak anda.

- **Post-marriage:**

- *It's easy to criticize & judge; put yourself in your new daughter's/ son's place & refrain from constantly voicing your opinion.*
- *Treat your new daughter / son in-laws the exact same way you want others to treat your child.*





**PANDUAN UNTUK ANAK-ANAK  
YANG AKAN BERKAHWIN  
GUIDANCE FOR DAUGHTERS  
WILL BE MARRIED**

# PANDUAN UNTUK ANAK-ANAK

## GUIDANCE FOR CHILDREN



Nasihat Hz. Sayyeda Nusrat Jahan Begum Sahiba (ra), isteri Imam Mahdi yang Dijanjikan (as) @ **Hazrat Amma Jan (ra)** kepada anaknya, Hz. Sayyeda Nawab Mubarika Begum Sahiba pada masa perkahwinannya:

- **Jangan melakukan perkara secara sembunyi dari suami**
- **Jangan berahsia**
  - tetapi dengan ringkas memberitahunya tentang apa yang berlaku sebenarnya.
- **Jangan bercakap ketika suami sedang marah**
  - Walaupun kamu tahu bahawa, pada masa itu dia tidak berada di dalam keadaan yang benar. Apabila kemarahannya menurun, perlahan-lahan berikan fakta kepadanya dan buatkan dia menyedari kesalahannya.

- ***Never do something secretly from your husband***
- ***Do not cover up, but succinctly tell him.***
- ***Do not speak out when he is angry.***
  - *When the anger dies down, slowly but surely present the fact of the situation to him and make him realise his error.*

# PANDUAN UNTUK ANAK-ANAK

## GUIDANCE FOR CHILDREN

### ➤ **Layan saudara-maranya sepetimana milik kamu sendiri.**

- Tegur semua orang dengan baik hati. Anggap mereka seperti saudaramu. Jangan membalas sebarang kesalahan/keburukan kepada kamu. Kemudian lihat bagaimana Tuhan akan sentiasa memihak kepadamu.

**Jika tidak melakukan perkara-perkara di atas, kamu akan kehilangan perhatian, rasa hormat dan kepercayaannya sepanjang hayat kamu, selain dari rasa malu.**



- ***Treat his relatives and their children as your own.***

*- Never think ill of anyone, even though someone does you a mischief. Wish everyone well heartily. Do not retaliate for any foul done to you, then see how God will always favour you.*

*If yo do not implement all the above, you will lose your regard and respect and trust for the rest of your lives, aside from the embarrassment*

# PANDUAN UNTUK ANAK-ANAK

## GUIDANCE FOR CHILDREN

Nasihat Penting Hz. Sayyeda Nawab Mubarika Begum Sahiba (ra) Kepada Gadis-Gadis Sebelum Perkahwinan

➤ **Isteri mesti terlebih dahulu menjadi pembantu suaminya, maka suami akan menjadi pembantunya.**

- isteri mesti tunjukkan kesetiaan & kepatuhan kepada suaminya untuk memenangi hatinya, kemudian suami akan mencintai & menghargai isterinya.

➤ **Hal-hal peribadi antara suami isteri jangan dibincangkan dengan sesiapapun.**

➤ **Apabila suami pulang ke rumah atau meninggalkan rumah, seorang isteri harus bersedia.**

- Suami harus memiliki gambaran yang menyenangkan tentang isterinya, dan bukannya seorang wanita yang berbau dengan rambut yang berantakan.

- ***Wife must first become the maid of her husband, then in turn the husband will become her servant.***

*- the wife must first show loyalty and obedience to her husband to win his heart and then the husband will love and cherish his wife*

- ***Private matters between a husband and wife should never be discussed with anyone.***

- ***Wife should be presentable.***

*- her attire should also be pleasing, so that whenever he thinks of his wife, he should have a pleasant image of her, and not that of a woman who smells with unkempt hair.*

# PANDUAN UNTUK ANAK-ANAK

## GUIDANCE FOR CHILDREN

- **Jangan sekali-kali bergaduh /menyerang apabila dia baru sahaja pulang ke rumah**
  - Tanpa mengira walau bagaimanapun marahnya kamu. Buat dia selesa dalam segala hal dan kemudian barulah kamu melepaskan kemarahan kamu.
- **Apabila kamu & suami berada di dalam bilik, jangan berteriak.**
  - Sesiapa yang mendengarnya, boleh menafsirkan sesuatu yang sama sekali berbeza [dari kejadian sebenar].
- **Ego yang salah tidak boleh berlaku di dalam hubungan suami isteri.**
  - Sekiranya kamu bersalah, maka berdamailah dengan suami. tidak ada penghinaan sama sekali dalam hal itu.
- **Jangan sekali-kali mengancam untuk meninggalkan rumah**  
[selepas bergaduh].

- **Never fight when he has just come home**, irrespective of how angry you are. Make him comfortable in every way and then you vent your anger.
- *When you and your husband are inside a room, do not shriek.* Anyone who hears it, may interpret something completely different [to the actual incident].
- *A false ego should not come between the relationship* of husband and wife. If you (the wife) are at fault, then reconcile with your husband, there is no dishonour in that at all.
- **Never threaten to leave the home** [after an argument].



# PANDUAN UNTUK ANAK-ANAK

## GUIDANCE FOR CHILDREN

Sentiasa perlu diingat:

- **Perkahwinan bukan hanya di antara dua individu, tetapi perkongsian seluruh keluarga.**
- **Manusia tidak ada yang sempurna.**  
Sekiranya hanya ada 5% kebaikan pada pasangan, lihat hanya pada kebaikan itu, selebihnya **berdoa meminta pertolongan Allah dan bersabar tanpa henti.**
- Kita tidak akan mengetahui sepenuhnya tentang pasangan walaupun tinggal bersamanya sepanjang hidup. **Keserasian dan kefahaman** perlu dibentuk sepanjang hidup bersama.
- **Ketaatan kepada suami dan mendapatkan kesenangannya** haruslah menjadi kewajipan kamu kecuali perkara-perkara yang menentang Syariah atau menentang keredhaan Allah.
- **Jaga diri kamu** dari melakukan sebarang kerosakan dan **jaga amanah** yang diberikan iaitu anak-anak dan hartanya.

*Always to remember that:*

- ***The marriage is not just between two individuals, but entire families coming together.***
- ***Humans are not perfect.*** If there is only 5% of goodness of spouse, see only the good, the rest to ***pray and patient all the time.***
- ***We will not be fully knows/aware about our spouse despite living with him throughout our life.*** ***Compatibility and understanding*** need to be formed throughout life together.
- ***Obedience to your husband and gaining his pleasure*** should be your duty except for those matters that are against the Sharia or against the pleasure of Allah.
- ***Safeguard yourself*** against anything that can be a cause of creating mischief and take care his trust i.e. his children and wealth

The CLOSER you  
get to ALLAH,  
The CLOSER you  
are to EACH  
OTHER



©littleMuslimah 2012  
<http://art4islam.blogspot.com>

# PANDUAN SELEPAS BERKAHWIN GUIDANCE AFTER MARRIAGE

# **PANDUAN SELEPAS BERKAHWIN**

## ***GUIDANCE AFTER MARRIAGE***

- ❖ Banyak bersabar, berlaku baik & adil, rendah hati, berkorban, hormat, setia, jujur, empati, cinta, sokongan, pengertian, pengampunan, kerja keras dan doa yang tidak berkesudahan antara satu sama lain.
  - *Be patience, kindness, fairness, humility, sacrifice, respect, loyal, truthful, empathy, love, support, understanding, forgiveness, hard work, and endless prayers to each other's!*
- ❖ Saling mengingatkan bahawa matlamat secara individu dan bersama, adalah untuk memenangi kesenangan Allāh.
  - *Remind each other that the goal, individually and together, is to win Allāh's pleasure.*
- ❖ Beri perhatian terhadap keselesaan, kesihatan dan perasaan pasangan anda; sentiasalah beri senyuman.
  - *Be ever mindful of the comfort, the health and the feelings of your spouse; smile often.*
- ❖ Jaga rasa hormat diri dan menghormati pasangan anda pada setiap masa;
  - Kesalahan dalam ucapan atau tindakan boleh menjelaskan perkahwinan anda dengan buruk dalam jangka masa panjang.
  - *Safeguard the respect and honor of your spouse at all times;*
    - careless lapses in speech or action could affect your marriage adversely in the long run.

# **PANDUAN SELEPAS BERKAHWIN**

## **GUIDANCE AFTER MARRIAGE**

- ❖ Belajar untuk berkompromi, menunjukkan toleransi dan bagaimana untuk menyatakan diri anda - jangan mengharapkan kemahiran membaca minda dari pasangan anda.
- ❖ Menjaga antara satu sama lain; **bersemangat dan bersyukur** untuk semua kurniaan Allah - selagi pasangan anda menyediakan semua keperluan yang sesuai dengan kemampuannya, jangan membuat tuntutan yang berlebihan.
- ❖ Sama ada kedua-dua pasangan bekerja atau tidak, masing-masing **harus tahu tentang kewangan isi rumah**.
- ❖ Buat **pasangan anda sebagai kepercayaan utama anda**, bukannya kawan anda. Jadi pendengar yang baik; beri nasihat dengan jujur.
- *Learn to compromise, show tolerance and how to express yourself – don't expect mind reading skills from your spouse.*
- *Act as guardians of one another; be content and grateful for all Allāh's bounties - as long as your spouse is providing for all reasonable needs according to his means, do not make excessive demands on him.*
- *Whether both spouses are working outside the home or not, each should be fully aware of the household finances.*
- *Make your spouse your main confidante, rather than your friends. Be a good listener; give the most honest advice.*

# PANDUAN SELEPAS BERKAHWIN

## GUIDANCE AFTER MARRIAGE

- ❖ **Berunding satu sama lain dalam semua perkara penting keluarga, walaupun anda perlu bersetuju untuk tidak bersetuju.** Apa yang terbaik untuk perkahwinan anda dan keluarga adalah yang paling utama, bukan untuk menjadi siapa betul.
  - *Consult one another in all important family matters, even if you have to agree to disagree. Whatever is best for your marriage and for the family is what is most important, not the need to be right.*
- ❖ Tiada siapa yang suka merasa dianggap sambil lewa atau dipinggirkan. **Luangkan masa untuk satu sama lain, walaupun dengan jadual yang sibuk.**
  - *No one likes to feel taken for granted or dismissed. Make time for each other, even with hectic schedules.*
- ❖ Cuba untuk tidak menjadi malas **memikirkan tentang penampilan fizikal** anda di hadapan pasangan anda; usaha anda tersebut pasti akan disedari.
  - *Try not to lazy about your physical appearance in front of your spouse; the effort will not go unnoticed.*
- ❖ **Abaikan kekurangan kecil pasangan dan murah hati dalam memaafkan & melupakan**
  - semak semula kelemahan anda terlebih dahulu. Fokus untuk menyelesaikan konflik dengan cepat; Jangan biarkan keadaan negatif jangan mengungkit masalah masa lalu.
    - *Inclined to overlook the minor shortcomings of your spouse and be generous in forgiving and forgetting - re-examine your own weaknesses first. Aim to resolve conflicts quickly; do not let negativity fester, do not regurgitate past problems.*

# **PANDUAN SELEPAS BERKAHWIN**

## **GUIDANCE AFTER MARRIAGE**

### **❖ Perkahwinan hendaklah bermakna sesuatu yang penting**

- sanggup melakukan apa sahaja untuk memastikan menghabiskan sepanjang hayat bersama pasangan. lihat perkahwinan sebagai hubungan suci & komited untuk menjadikannya berfungsi dengan baik. Jangan biarkan perkara kecil membawa kepada hilang kawalan diri dan ke arah perceraian. Letakkan isu-isu ke dalam pandangan yang lebih realistik, dan berdoa; jika konflik utama masih wujud, dapatkan bimbingan dari orang yang boleh dipercayai.

### **❖ Ketepikan sifat mementingkan diri sendiri**

- selalu melayani pasangan anda dengan cara yang anda ingin dilayani.

### **❖ Ikuti panduan2 dan nasihat berguna**

- *Getting married should mean something, primarily***

*- that you are willing to do whatever it takes to ensure spending the rest of your lives together. view marriage as a lifelong sacred relationship & committed to making it work. Don't let trifles lead to situations where tempers are lost and threats of divorce are pronounced. Put issues into perspective realistically, and pray; if major conflict still exists, seek confidential professional / spiritual guidance from reliable sources.*

- *Dispense with selfishness,***

*- and always treat your spouse the way you would like to be treated.*

- *Follow the advices and guidances of marriage***

# **PANDUAN SELEPAS BERKAHWIN**

## ***GUIDANCE AFTER MARRIAGE***

- ❖ Antara doa untuk mendapat kebahagiaan dan kasih sayang dalam keluarga:

Abu Darda<sup>ra</sup> berkata, Rasulullah saw bersabda: "Di antara doa Nabi Daud as ialah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ حُبَّكَ وَحُبًّا مَنْ يُحِبُّكَ وَالْعَمَلَ الَّذِي يُلْعَنُ بِهِ  
حُبَّكَ اللَّهُمَّ اجْعِلْ حُبَّكَ أَحَبَّ إِلَيَّ مِنْ نَفْسِي وَأَهْلِي وَمِنْ  
الْمَاءِ الْبَارِدِ

**"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu cintaMu dan cinta orang-orang yang mencintaiMu dan aku memohon kepadaMu perbuatan yang dapat menghantarku kepada cintaMu. Ya Allah, jadikanlah cintaMu lebih kucintai daripada diriku dan keluargaku serta air dingin."**

# **PANDUAN SELEPAS BERKAHWIN**

## ***GUIDANCE AFTER MARRIAGE***

### **Prophet Dawud's Dua**

- Abud-Darda' (May Allah be pleased with him) reported: The Messenger of Allah (PBUH) said,"One of Prophet Dawud (AS) dua was:

وَعَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، رَضِيَ اللَّهُ حَنْدَهُ، قَالَ: رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كَانَ مِنْ دُعَائِ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَامُ: "اَللَّهُمَّ انِّي اسأَلُكَ حُبَكَ، وَحُبَّ مَنْ يُحِبُّكَ، وَالْعَمَلَ الَّذِي يَنْلَغُنِي حُبَكَ، اَللَّهُمَّ اجْعَلْ حُبَكَ أَحَبَّ إِلَيَّ مِنْ نَفْسِي، وَأَهْنِي، وَمِنَ النَّاسِ الْبَارِدُ". رَوَاهُ التَّرْمِذِيُّ وَقَالَ حَدَّيْتُ حَسْنٌ.

- (O Allah! I ask You for Your Love, the love of those who love You, and deeds which will cause me to attain Your Love. O Allah! Make Your Love dearer to me than myself, my family and the cold water).""[At-Tirmidhi].

# **PANDUAN SELEPAS BERKAHWIN**

## ***GUIDANCE AFTER MARRIAGE***

**Ciri-ciri seorang isteri yang baik / *The character of a good wife :***

*(Surah Al-Tahrim 66, ayat 6)*


- ✓ **Muslimaat** = berserah diri / *trust in Allah*
- ✓ **Mu'minaat** = yang beriman / *the believer*
- ✓ **Qonitaat** = yang taat / *obedient*
- ✓ **Taa-ibaat** = yang bertaubat, selamanya menghadap ke Hadrat Tuhan / *the repentent, always forward to Allah*
- ✓ **'Aabidaat** = selalu beribadah / *diligent in worship*
- ✓ **Saa-ihaat** = rajin berpuasa / *diligent in fasting*

# **KURSUS PRA-PERKAHWINAN**

## ***PRE-MARRIAGE COURSE***

### Rujukan/Reference:

- ❖ [www.alislam.org](http://www.alislam.org)
- ❖ Pekeliling/Circular LS "Hazrat Amma Jaan (ra)", bertarikh/dated 8 Aug 2017.
- ❖ Ucapan/Speech of Huzoor atba di Ijtima Lajna UK, Oct 2009.
- ❖ Jabatan Rishta Nata USA
- ❖ Lajna Ima'illah USA, Workbook Taleem & Tarbiyat 2015-2017 (m/s 90 & 91)



# **KURSUS PRA-PERKAHWINAN**

## ***PRE-MARRIAGE COURSE***

Semoga bermanfaat dan semoga perkahwinan yang dibina sentiasa dalam berkat dan rahmat Allah Taala. Aamiin yra.

Jazakumullah ahsanal jazaa..

Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuhu

